

Anwar: Umno bukan pembela Melayu
Malaysiakini.com
May 28, 2011

Umno kini tidak mampu mengekalkan prinsip-prinsip Melayu seperti yang ditonjolkan pada era Tun Sri Lanang dan juga Zainal Abidin Ahmad atau lebih dikenali dengan nama pendeta Za'ba, kata Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya perjuangan pemimpin-pemimpin Melayu dahulu tidak korup seperti pemimpin Umno hari ini yang hanya bersandarkan kepada amalan politik jijik yang menjengkelkan sehingga sanggup menjatuhkan martabat sesama umatnya.

Pejuang-pejuang asal seperti Tun Sri Lanang yang hebat, apa hebatnya? Hebatnya kerana ilmu, prinsip, hebatnya kerana Melayunya tebal mengikut syarak maknanya ikut hukum, jangan rasuah, jangan rompak, jangan hina, jangan aib kaum sendiri, itu dia Tun Sri Lanang.

"Za'ba, pendeta Za'ba, pemikir Melayu, sasterawan ahli bahasa ulung, apa pandangan dia? Bila bicara soal Melayu, miskin apa Melayu?"

"Miskin harta benda tapi dia bimbang yang miskin akhlak, miskin budi pekerti, miskin semangat tewas tak sanggup berjuang menolak sistem penjajah Inggeris," kata Anwar pada ceramah umum Pakatan Rakyat di Parit Pecah, Muar Johor malam semalam.

Beliau merujuk dirinya yang dihujani pelbagai fitnah yang dilemparkan oleh Umno sejak 13 tahun lalu. Selepas meninggalkan Umno, Anwar mendakwa dirinya dihambat dengan kes liwat I dan II. Paling terbaru ketua pembangkang itu dikaitkan pula dengan video seks yang disebar oleh trio Datuk T.

Bukan itu sahaja, malah, katanya yang dipetik TV Selangor, isteri, anak dan cucu beliau juga terkena tempas gelora politik kotor Umno itu.

Pada ceramahnya ini, Anwar turut menyeru supaya semangat perjuangan yang ditunjukkan oleh Tun Seri Lanang dan Pendekta Za'ba diteladani oleh pemimpin hari ini.

Katanya, pemimpin Umno hari ini lebih mementingkan isteri dan juga anak-anak serta kroni semata-mata dan membiarkan rakyat terus dihimpit kesusahan akibat sikap tamak haloba mereka.

Bukan perkayakan keluarga dia, ini orang pimpinan Umno bercakap soal Melayu tapi akhirnya mereka yang kaya-raya, bagi kontrak kat bini dia, bila bagi IPP bagi kat siapa? Kroni-kroni."

Baru-baru ini kerajaan menarik subsidi gula bernilai RM116 juta, tetapi mengekalkan peruntukan RM19 bilion setahun kepada syarikat-suarikat Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) seperti YTL Corporation Berhad, Malakoff Corporation Berhad dan Genting Sanyen.